



Headline: Elak jadi mangsa Macau Scam
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 7 October 2018

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 19

Elak jadi mangsa Macau Scam


KUANTAN - Kerajaan negeri memandang serius peningkatan kes penipuan telekomunikasi atau Macau Scam yang berlaku di negeri ini.

Exco Hal Ehwal Felda, Koperasi, Usahawan dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Datuk Nazri Ngah menyifatkan jenayah itu perlu dibendung bagi mengelakkan lebih ramai menjadi mangsa.

Menurutnya, kerajaan negeri sedia bekerjasama dengan pihak berkaitan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat.

"Antaranya menganjurkan lebih banyak kempen kesedaran untuk memberikan lebih maklumat dan panduan kepada orang ramai supaya

**JERAT
MACAU
SCAM**



NAZRI

tidak menjadi mangsa.

"Kempen ini boleh dijalankan dengan kerjasama pihak berkaitan seperti dengan agensi kerajaan dan NGO," katanya.

Dalam pada itu beliau menyifatkan kes-kes penipuan itu masih terus berlaku walaupun telah banyak pendedahan dibuat menerusi media atas beberapa faktor.

"Saya melihat atas dua faktor iaitu kerana tamak dan ugutan. Dari situ mereka mudah ditipu oleh pihak tidak bertanggungjawab

"Kelicikan pihak tersebut menyebabkan masyarakat mudah menjadi mangsa. Jadi saya berharap orang ramai terus peka dan tidak mudah terpedaya dengan tawaran dijanjikan kepada mereka," ujarnya.

Tegasnya, jika individu itu menerima panggilan meragukan boleh merujuk terus kepada pihak berkaitan sama ada pihak berkuasa atau bank terabit.

"Saya harap kes sebegini dapat dibendung kerana jumlah kerugian dialami bukan sedikit malah ada ratusan ribu," katanya.